

SUAI KENAL: ASPER 17 DAN KOLEJ TIGA BELAS

[SERDANG, 20 OGOS] - Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tiga Belas sesi 2021/2022 dengan kerjasama pengurusan Kolej Tiga Belas, Universiti Putra Malaysia telah mengadakan Malam Suai Kenal Antara Pelajar Asasi dan Kolej Tiga Belas. Program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai latar belakang Kolej Tiga Belas. Selain itu, program ini juga diadakan adalah bertujuan untuk menjadikan pelajar Asasi Kolej Tiga Belas mengambil perhatian dan cakna mengenai pengurusan kolej walaupun masih lagi diambang pandemik Covid-19.

Program ini telah dijalankan secara dalam talian melalui siaran langsung Facebook Kolej Tiga Belas. Seramai 803 orang pelajar Asasi sesi 2021/2022 yang terlibat dalam program ini.




Sesi bergambar bersama barisan tetamu khas Malam Suai Kenal Antara Pelajar Asasi dan Kolej Tiga Belas

YBhg. Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Shukri Muhammad Noor, pengetua Kolej Tiga Belas, Universiti Putra Malaysia, mengucapkan sekalung tahniah kepada semua pelajar Asasi Kolej Tiga Belas sesi 2021/2022 kerana berjaya memasuki alam universiti. Dalam video ucapan, beliau juga turut menyeru supaya hubungan dan interaksi antara pelajar Asasi dan pihak pengurusan Kolej Tiga Belas dapat diwujudkan.

Pegawai Tadbir, Kolej Tiga Belas, Puan Siti Noriza Samad berkata, “Kami sebagai barisan pengurusan Kolej Tiga Belas, seramai 12 orang, bertanggungjawab untuk mengurus kebajikan para pelajar berkaitan keselesaan pelajar di blok. Kami juga akan sentiasa bersedia membantu anak-anak dalam Kolej Tiga Belas,” katanya.

Ketua Felo Kolej Tiga Belas, Dr. Elisa Azura Azman juga memberikan ucapan beliau dan memberikan sedikit pengenalan dan penerangan mengenai tugas seorang felo di Kolej Tiga Belas.

Muhammad Syahmi Abd Karim, presiden Majlis Perwakilan Kolej Tiga Belas sesi 2021/2022 juga turut memperkenalkan barisan Majlis Perwakilan Kolej Tiga Belas dan bersedia untuk membantu mahasiswa Kolej Tiga Belas sekiranya diperlukan.



Penghebahan *google form* soalan kepada pelajar Asasi Kolej Tiga Belas

Di samping itu, pihak Kolej Tiga Belas juga berpeluang untuk menghebahkan poster pertandingan Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Pencarian Exco Asasi pada akhir majlis. Bukan itu sahaja, para pelajar Asasi juga berpeluang untuk mengajukan soalan mengenai Kolej Tiga Belas melalui *google form* yang telah disediakan.

#weloveupm
#kitajagakita
#BerilmuBerbakti
#ThirteenWarriors
#UPM5Dekad
#JubliEmasUPM
#50TahunUPM
#UNSDGs
#UPMAct4SDGs